

23/11/1999

Mahathir, Zhu adakan rundingan hari ini

PUTRAJAYA, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan rundingan dua hala dengan rakan sejawatnya dari China, Zhu Rongji di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini esok.

Zhu dan rombongan yang tiba hari ini untuk lawatan rasmi lima hari, juga akan mengadakan mesyuarat delegasi dengan Malaysia dan dijadual melawat Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil.

Zhu juga dijadual memberi ucapan utama pada majlis makan tengah hari yang diadakan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia (NCCIM) pada Rabu, sebelum bertolak ke Langkawi.

Sementara itu, sebaik tiba di perkarangan JPM pada kira-kira jam 4.30 petang ini, Zhu dan isterinya Lao An disambut oleh Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, selaku Menteri Pengiring serta wakil kedutaan asing.

Majlis sambutan rasmi itu diadakan di tingkat bawah bangunan Perdana Putra di sini, kerana acara sambutan yang dijadualkan di Dataran Perdana terpaksa dibatalkan kerana hujan.

Perbarisan penghormatan diadakan oleh 39 anggota dan pegawai batalion pertama Regimen Askar Melayu Diraja di bawah perintah Mejar Abdul Basit. Lagu kebangsaan kedua-dua negara turut dimainkan pada upacara itu.

Terdahulu ketibaan Zhu, yang mengetuai rombongan kira-kira 100 anggota, disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang oleh Syed Hamid.

Rombongan Zhu termasuk Menteri Luar, Tang Jiaxuan; Menteri Pertanian, Chen Yaobang dan Naib Gabenor Bank Rakyat China, Yan Hai Wang.

Zhu adalah dalam rangka lawatan pertama ke empat negara Asean sejak menjadi Perdana Menteri. Negara lain ialah Filipina, Singapura dan Vietnam.

(END)